



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 JANUARI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Perbincangan tiga agensi atasi masalah kesesakan jalan raya 21



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 05 JANUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Perbincangan tiga agensi atasi masalah kesesakan jalan raya
Muka Surat	21

SINAR HARIAN • JUMAAT 5 JANUARI 2018
HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMAIL ISMAIL- 019 3371003.

SH 5/1/18 MS 21

Perbincangan tiga agensi atasi masalah kesesakan jalan raya

HULU KLANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah menghubungi Jabatan Kerja Raya berhubung kesesakan lalu lintas pada waktu puncak berhampiran persimpangan Kampung Pasir, Ukay Perdana, di sini.

Ahli Majlis MPAJ, Ahmad Sabri Abu Bakar berkata, pihak konsensi iaitu Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB) juga dihubungi bagi membincangkan isu yang dibangkitkan oleh penduduk.

"Lawatan ke tapak sudah diadakan untuk mencari kaedah penyelesaian dan saya dimaklumkan keadaan itu berkemungkinan berpunca daripada lampu isyarat di bawah jambat Jalan Lingkaran Tengah 2 serta jumlah kapasiti kenderaan pada waktu puncak," katanya.

"Malah saya difahamkan kesesakan ini bersifat sementara dan dijangka dapat diatasi selepas jejambar projek Lebuh Raya East Klang Valley (EKVE) siap dibina," katanya.

Ahmad Sabri berkata, pihaknya menyambut baik usaha bagi menyelesaikan aduan penduduk dan AZRB juga memberi kerjasama dalam usaha mengatasi masalah penduduk dari semasa ke semasa.

"Penduduk juga berharap pihak AZRB dapat melebarkan jalan sementara termasuk mengalihkan pelbagai utiliti dibahu jalan sehingga projek tersebut siap," katanya.

"Kami sudah mewujudkan grup WhatsApp untuk memudahkan lagi aduan penduduk terus disalurkan kepada AZRB. Manakala JKR dan MPAJ melalui Jabatan Kejuruteraan akan sen-

Penduduk juga berharap pihak AZRB dapat melebarkan jalan sementara termasuk mengalihkan pelbagai utiliti dibahu jalan sehingga projek tersebut siap,"
- Ahmad Sabri

tiasa memantau aduan berkaitan di bawah bidang kuasa masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan EKVE Mohd Khalid Mohamed berkata, projek EKVE di kawasan itu berjalan lancar dan dijangka siap pertengahan 2019.

"Bagaimanapun kita berhadapan sedikit masalah berkaitan permintaan penduduk mengenai pelebaran jalan sementara kerana ada banyak utiliti yang perlu dialihkan kerana benda tersebut ditanam sedalam sekali saja.

"Kita perlu ubah sedikit reka bentuk supaya semua kabel yang kita jumpa dapat dialihkan atau kita buat 'protection' ke atas utiliti itu," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut mendapat kerjasama daripada polis trafik bagi melancarkan aliran trafik waktu puncak pada pagi dan petang selain membuat dua lauan kenderaan untuk naik dan turun ke kawasan tersebut demi keselesaan penduduk.

Ahmad Sabri (smanut, kanan) bersama pegawai MPAJ dan JKR sedang...